

Bil. S 13 – PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**(Perintah dibuat di bawah Bab 83)****PERINTAH DARURAT (PENYERAHAN PENJENAYAH
(MALAYSIA DAN SINGAPURA)), 1984**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut :—

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Penyerahan Penjenayah (Malaysia dan Singapura)), 1984.

Gelaran pendek dan mula berkuatkuasa.

(2) Perintah ini akan berjalan kuatkuasanya pada sesuatu tarikh yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* menetapkan dan bagi maksud itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan berhubung dengan syarat-syarat yang berlainan dari Perintah ini.

2. (1) Aturan-Aturan yang dihuraikan dalam Jadual Pertama kepada Perintah ini adalah digunakan berhubung dengan penyerahan penjenayah buruan kepada dan daripada Malaysia.

Penyerahan penjenayah kepada dan daripada Malaysia dan Singapura.

(2) Aturan-Aturan yang dihuraikan dalam Jadual Kedua kepada Perintah ini adalah digunakan berhubung dengan penyerahan penjenayah buruan kepada dan daripada Singapura.

JADUAL PERTAMA**PENYERAHAN PENJENAYAH KEPADA DAN DARIPADA MALAYSIA**

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Penyerahan Penjenayah (Malaysia) 1984.

Gelaran.

2. Di dalam Aturan-Aturan ini, "ditetapkan" bermakna ditetapkan oleh Menteri.

Tafsiran.

3. (1) Jika —

(a) sesuatu waran telah dikeluarkan oleh sesuatu pihak berkuasa kehakiman di Malaysia bagi penangkapan seseorang penjenayah buruan yang dituduh atau telah disabitkan melakukan sesuatu kesalahan terhadap undang-undang Malaysia, iaitu sesuatu kesalahan yang boleh ditangkap atau sesuatu kesalahan yang boleh dikenakan jika disabitkan kesalahannya hukum penjara selama enam bulan atau lebih di bawah undang-undang Malaysia; dan

Pengesahan waran-waran yang dikeluarkan di Malaysia.

- (b) sesuatu permohonan bagi pengesahan waran itu adalah dibuat kepada seseorang Majistret di Negara Brunei Darussalam oleh seseorang pegawai polis yang mengemukakan waran itu dan menyatakan dengan ber-sumpah bahawa ia mempunyai sebab untuk mempercayai yang penjenayah buruan yang dinamakan atau diperihalkan di dalamnya itu berada di dalam Negara Brunei Darussalam,

maka ketika itu, tertakluk kepada syarat-syarat dari Aturan ini, Majistret itu hendaklah mengesahkan waran itu dengan cara yang ditetapkan bagi pelaksanaan di dalam Negara Brunei Darussalam.

(2) Sesuatu waran bagi penangkapan seseorang penjenayah buruan yang telah disabitkan kesalahannya melakukan sebarang kesalahan terhadap undang-undang Malaysia tidak boleh disahkan di bawah Aturan ini melainkan maksud penangkapan itu ialah untuk membolehkannya —

- (a) supaya dibawa ke hadapan sesebuah Mahkamah di Malaysia kerana hukuman berhubung dengan sabitan kesalahan itu ; atau
- (b) supaya dibawa ke sesebuah tempat di mana ia akan menjalani hukuman penjara di bawah hukuman sedemikian, yang bukan hukuman penjara kerana mungkir membuat pembayaran sesuatu denda atau wang lain.

(3) Pengesahan sesuatu waran di bawah Aturan ini oleh seseorang Majistret di Negara Brunei Darussalam hendaklah dianggap bagi maksud-maksud sebarang undang-undang bertulis berhubung dengan waran-waran penangkapan seolah-olah ianya ialah pengeluaran waran itu olehnya, dan waran itu ialah bagi penangkapan seseorang yang dituduh kerana sesuatu kesalahan yang telah dilakukan di Negara Brunei Darussalam.

Tatacara di
hadapan
Majistret.

4. (1) Dengan seberapa segera yang dapat dilakukan selepas seseorang penjenayah buruan ditangkap di bawah sesuatu waran yang telah disahkan menurut Aturan-Aturan ini, ia hendaklah dibawa ke hadapan sesebuah Mahkamah Majistret dan Mahkamah itu hendaklah menyiasat mengenai perkara itu dengan cara yang sama dan hendaklah mempunyai bidangkuasa dan kuasa-kuasa yang sama, yang seakan-akan sama yang mungkin, seolah-olah perkara itu ialah perkara yang boleh dibicarakan olehnya.

(2) Di perbicaraan itu Majistret itu hendaklah menerima apa jua keterangan yang diberikan oleh atau bagi pihak penjenayah buruan itu untuk menunjukkan —

- (a) bahawa ia telah tidak melakukan atau meninggalkan daripada dilakukan perbuatan yang dikatakan telah dilakukan atau ditinggalkan olehnya ;
- (b) bahawa ia bukan orang yang terhadap siapa waran yang disahkan itu telah dikeluarkan ;

- (c) bahawa kesalahan itu bukan kesalahan yang boleh ditangkap atau kesalahan yang boleh dikenakan hukum penjara selama enam bulan atau lebih ;
- (d) bahawa kesalahan yang dinyatakan dalam waran itu adalah kesalahan yang bersifat politik atau kesalahan di bawah undang-undang tentera yang juga bukan kesalahan di bawah undang-undang jenayah am ;
- (e) bahawa pengembaliannya tidak akan selaras dengan syarat-syarat dari Aturan-Aturan ini ;
- (f) bahawa ia telah disabitkan kesalahan atau dibebaskan sebelumnya di Negara Brunei Darussalam berhubung dengan perbuatan atau ketinggalan itu.

(3) Tiada sebarang apa pun di dalam Aturan ini boleh menghadkan kuasa Mahkamah untuk menerima sebarang keterangan lain yang mungkin diberikan untuk menunjukkan bahawa penjenayah buruan itu tidak seharusnya dikembalikan.

(4) Bagi maksud-maksud perenggan kecil (d) dari perenggan (2) Majistret itu boleh menerima sesuatu keterangan yang pada pendapatnya boleh membantunya dalam menentukan hal sebenarnya, sama ada atau tidak keterangan sedemikian sebaliknya boleh diterima di sisi undang-undang di dalam sesebuah mahkamah undang-undang.

(5) Jika Majistret itu berpendapat bahawa satu kes pada zahirnya (*prima facie case*) tidak dibuktikan bagi pengembalian penjenayah buruan itu ke Malaysia, maka ia hendaklah melepaskan penjenayah buruan itu.

(6) Jika Majistret itu berpendapat bahawa suatu kes pada zahirnya adalah dibuktikan bagi pengembalian penjenayah buruan itu ke Malaysia, maka ia boleh menyerahkan penjenayah buruan itu supaya dipenjarakan untuk menunggu perintah-perintah dari Peguam Negara, dan hendaklah melaporkan hasil siasatannya kepada Peguam Negara ; dan hendaklah mengemukakan bersama-sama dengan laporan tersebut, apa jua kenyataan bertulis yang penjenayah buruan itu mungkin ingin menghadapkan bagi pertimbangan Peguam Negara.

**Pengembalian
jenayah
buruan.**

5. (1) Tertakluk kepada syarat dari Aturan-Aturan ini, selepas tamatnya lima belas hari dari tarikhnya yang penjenayah buruan itu diserahkan supaya dipenjarakan atau dalam apa jua perkara jika surat perintah menghadapkan di mahkamah (*writ of habeas corpus*) adalah dikeluarkan, setelah Mahkamah Tinggi yang bersesuaian telah memutuskan, manakala dikembalikan surat perintah tersebut, bahawa ianya tidak akan dibebaskan dari kurungan, yang mana satu kejadian yang penghabisan berlaku, maka Peguam Negara boleh memerintahkan penjenayah buruan itu supaya diserahkan kepada seseorang anggota pasukan polis Malaysia yang dibenarkan untuk menerimanya bagi maksud membawanya ke Malaysia.

(2) Mana-mana orang kepada siapa sebarang perintah sedemikian ditujukan boleh mengambil penjenayah buruan itu untuk dijaga dan diserahkan kepada orang yang dinyatakan dalam perintah tersebut, dan orang yang dinyatakan demikian boleh menerima penjenayah buruan itu, menyimpannya dalam jagaan, dan membawanya ke Malaysia untuk dikendalikan di sana menurut undang-undang.

Waran-waran
sementara.

6. (1) Seseorang Majistret di Negara Brunei Darussalam atas permohonan seseorang pegawai polis yang menyatakan dengan bersumpah —

- (a) bahawa ia mempunyai sebab untuk mempercayai yang satu waran telah dikeluarkan oleh sesuatu pihak berkuasa kehakiman di Malaysia bagi penangkapan seseorang yang dituduh atau telah disabitkan kesalahan melakukan sesuatu kesalahan yang boleh ditangkap terhadap undang-undang Malaysia, tetapi waran itu masih belum ada pada miliknya ;
- (b) bahawa ia telah menerima satu permintaan yang dibuat atas alasan-alasan yang mendesak oleh seseorang anggota dari pasukan polis Malaysia yang menyandang pangkat merinyu atau lebih tinggi bagi pengeluaran di Negara Brunei Darussalam satu waran bagi penangkapan orang itu ; dan
- (c) bahawa ia mempunyai sebab untuk mempercayai yang orang itu berada di dalam Negara Brunei Darussalam ;

boleh mengeluarkan satu waran sementara dalam bentuk yang ditetapkan oleh Menteri bagi penangkapan orang itu :

Dengan syarat bahawa jika waran yang telah dikeluarkan di Malaysia itu ialah bagi penangkapan seseorang yang telah disabitkan kesalahannya, maka waran sementara tidak boleh dikeluarkan melainkan pemohonnya ada menyatakan dengan bersumpah yang ia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kehendak-kehendak perenggan (2) dari Aturan 3 telah dipenuhi.

(2) Sesuatu waran sementara yang dikeluarkan di Negara Brunei Darussalam hendaklah dianggap bagi maksud-maksud sebarang undang-undang bertulis berhubung dengan waran-waran penangkapan seolah-olah ianya suatu waran bagi penangkapan seseorang yang dituduh kerana sesuatu kesalahan yang telah dilakukan di Negara Brunei Darussalam, tetapi waran itu tidaklah boleh menjadi kuasa kebenaran bagi melakukan sesuatu penangkapan lebih dari lima hari selepas tarikh pengeluarannya.

(3) Dengan seberapa segera yang boleh dilakukan selepas seseorang itu ditangkap di bawah waran sementara ia hendaklah dibawa di hadapan sesebuah Mahkamah Majistret, dan —

- (a) jika ada dikemukakan kepada Mahkamah itu waran yang telah dikeluarkan berkenaan dengannya di Malaysia, disahkan menurut Aturan 3, Mahkamah itu hendaklah membicarakannya seolah-olah ia telah ditangkap di bawah waran itu ;
- (b) dalam mana-mana perkara lain Mahkamah itu boleh memerintahkan supaya ianya dikurung selama tidak lebih dari tiga hari.

(4) Jika pada bila-bila masa ada dikemukakan kepada seseorang pegawai polis yang menjaga seseorang yang telah diperintahkan supaya dikurung di bawah bab ini waran yang telah dikeluarkan berkenaan orang itu di Malaysia yang telah disahkan menurut Aturan 3, maka tempoh pengurungannya hendaklah ditamatkan, dan ia hendaklah selepas itu dianggap seolah-olah ditangkap pada ketika itu di bawah waran itu.

(5) Jika tempoh sesuatu pengurungan di bawah bab ini tidak ditamatkan di bawah perenggan (4) maka orang yang dikurung itu hendaklah dilepaskan pada penghujung tempoh itu.

Pengurungan. 7. (1) Jika di bawah Aturan 4 atau Aturan 6 sesebuah Mahkamah Majistret mempunyai kuasa untuk mengurung seseorang, maka Mahkamah itu boleh —

- (a) mengurungnya dalam jagaan, yakni, menyerahkannya bagi selama tempoh pengurungan itu ke penjara atau, dalam perkara pengurungan di bawah perenggan (3) dari Aturan 6, kepada jagaan pihak polis ; atau
- (b) diikat jaminan ke atasnya, yakni, mengambil daripadanya sesuatu pengakuan, dengan atau tanpa penjamin-penjamin, tertakluk kepada sebagaimana yang dipersyaratkan dalam perenggan (2),

dan boleh, sebagai ganti kepada membuat sesuatu pengakuan menurut perenggan kecil (b), menetapkan jumlah bagi pengakuan itu dengan tujuan untuk mengambilnya kemudian, dan buat sementara waktu menyerahkannya kepada jagaan pihak polis.

(2) Sesuatu pengakuan yang diambil daripada seseorang di bawah Aturan ini hendaklah menjadi syarat bagi menyerahkannya kepada pegawai yang menjaga sesebuah balai polis yang ditentukan pada ketika yang disebutkan dalam sesuatu notis bertulis yang akan disampaikan kepadanya oleh atau bagi pihak pegawai itu, tetapi ketika yang disebutkan dalam sesuatu notis yang disampaikan demikian tidak boleh lebih dari dua puluh empat jam sebelum ketikanya bilamana nampaknya kepada pegawai yang menjaga balai polis itu bahawa tempoh pengurungan itu mungkin berakhir.

(3) Dalam tempoh di antara penyerahan seseorang itu sebagaimana yang disebutkan tadi dan penghujung tempoh pengurungannya ia hendaklah dianggap seolah-olah telah diserahkan kepada jagaan pihak polis tetapi jika nampaknya kepada pegawai kepada siapa ia menyerahkan diri bahawa penghujung tempoh pengurungannya akan terlambat di luar jangkaan maka pegawai itu hendaklah melepaskaninya manakala ia membuat sesuatu pengakuan, dengan atau tanpa penjamin-penjamin, tertakluk kepada sebagaimana yang diperisyaratkan dalam perenggan (2).

(4) Jika, kerana melanggar pengakuan yang telah diambil daripadanya di bawah Aturan ini, seseorang itu gagal menyerah diri sebagaimana yang disebutkan tadi, maka mahkamah oleh mana ia telah dikurung boleh, dengan tidak menyentuh penguatkuasaan pengakuan itu, mengeluarkan waran dalam bentuk yang ditetapkan bagi tangkapannya ; dan manakala ia ditangkap di bawah waran itu maka perenggan (3) hendaklah dikenakan seolah-olah ia telah menyerahkan diri kepada pegawai yang menjaga balai polis yang dinyatakan dalam pengakuan itu, tetapi pegawai itu tidak boleh melepaskannya seperti yang dipersyaratkan oleh perenggan itu melainkan ia berpuashati bahawa adalah wajar untuk berbuat demikian.

(5) Sesuatu waran yang dikeluarkan di bawah perenggan (4) hendaklah dianggap bagi maksud-maksud sebarang undang-undang bertulis yang berhubung dengan waran-waran penangkapan seolah-olah ianya suatu waran bagi penangkapan seseorang yang dituduh kerana sesuatu kesalahan yang telah dilakukan di Negara Brunei Darussalam.

Lepasan orang yang tidak dibawa ke Malaysia.

8. (1) Jika orang yang berkenaan dengan siapa sesuatu Perintah telah dibuat oleh sesebuah Mahkamah Majistret di bawah Aturan 4 tidak diserahkan di bawah Perintah itu dalam masa satu bulan selepas ianya dibuat, maka Mahkamah Tinggi yang bersesuaian, atas permohonan oleh atau bagi pihak orang itu boleh melainkan sebab yang berpatutan ada ditunjukkan kerana kelambatan, memerintahkan supaya ianya dilepaskan.

(2) Jika, dalam perkara seseorang berkenaan dengan siapa sesuatu Perintah telah dibuat di bawah Aturan 4, nampaknya kepada seseorang Majistret bahawa kerana sebarang sebab pasukan polis Malaysia tidak lagi mengkehendaki penyerahan orang itu kepada jagaan mereka maka ia hendaklah memerintahkan supaya ia dilepaskan.

Bukti keterangan mengenai perkara-perkara yang bermula di Malaysia.

9. Bagi maksud-maksud Aturan-Aturan ini —

- (a) sesuatu dokumen yang dikatakan sebagai suatu waran yang telah dikeluarkan oleh sesuatu pihak berkuasa kehakiman di Malaysia atau salinan sesuatu saman yang telah dikeluarkan oleh atau bagi pihak sesebuah Mahkamah di Malaysia, jika telah disahkan dengan cara yang ditetapkan, boleh dianggap

sebagai suatu waran sebagaimana yang dikatakan atau, mengikut mana yang berkenaan, salinan suatu saman sebagaimana yang dikatakan, dan waran atau saman itu hendaklah dianggap telah dikeluarkan demikian ;

- (b) keterangan berkenaan dengan undang-undang Malaysia boleh diberikan dengan surat sumpah (affidavit) atau kenyataan bertulis dengan bersumpah yang lain, tetapi sesuatu surat akuan yang dikatakan telah dikeluarkan oleh atau atas nama pihak berkuasa kehakiman di Malaysia oleh mana sesuatu waran telah dikeluarkan, atau pihak berkuasa kehakiman lain yang bertindak bagi kawasan yang sama, dan memperakui bahawa kesalahan yang dinyatakan dalam waran itu boleh dikendalikan di bawah undang-undang Malaysia dengan cara yang dinyatakan dalam surat akuan itu adalah menjadi keterangan yang mencukupi bagi perkara-perkara yang diperakui demikian ;
- (c) sesuatu keterangan dengan bersumpah yang dikatakan telah dibuat di Malaysia, atau surat sumpah (affidavit) atau kenyataan bertulis yang dikatakan telah dibuat dengan bersumpah di dalamnya, boleh diterima jika disahkan dengan cara yang ditetapkan.

JADUAL KEDUA

PENYERAHAN PENJENAYAH KEPADA DAN DARIPADA SINGAPURA

Tafsiran.

Penyerahan
saman :
susunan-
susunan
secara balas
membalas
dengan
Singapura.

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Penyerahan Penjenayah (Singapura), 1984.

2. (1) Jika di bawah syarat-syarat sebarang undang-undang yang berkuatkuasa di Singapura seseorang Majistret atau sesebuah Mahkamah Majistret telah mengeluarkan waran atau saman yang membenarkan penangkapan seseorang atau mengkehendakki sesiapa jua orang supaya hadir di hadapan mana-mana mahkamah di Singapura, dan orang sedemikian berada atau adalah dipercayai berada di Negara Brunei Darussalam, maka seseorang Majistret di Brunei, jika berpuashati bahawa waran atau saman sedemikian telah dikeluarkan dengan sempurnanya di Singapura, boleh mengesahkan waran atau saman itu, dan waran atau saman itu boleh ketika itu dilaksanakan atau disampaikan, mengikut mana yang berkenaan, ke atas orang sedemikian seolah-olah ianya sesuatu waran atau saman yang telah dikeluarkan dengan sah di Negara Brunei Darussalam di bawah syarat-syarat Undang-Undang Peraturan Jenayah (Criminal Procedure Code).

(2) Jika di bawah syarat-syarat sebarang undang-undang yang berkuatkuasa di Singapura yang bersamaan dengan ceraian (1) sesuatu waran atau saman yang telah dikeluarkan oleh seseorang Majistret atau sesebuah Mahkamah Majistret di Negara Brunei Darussalam telah disahkan oleh seseorang Majistret di Singapura dan dilaksanakan atau disampaikan ke atas orang yang dinamakan di

dalam waran atau saman itu, maka waran atau saman sedemikian adalah bagi maksud-maksud Undang-Undang Peraturan Jenayah (Criminal Procedure Code) dianggap telah pun dilaksanakan atau disampaikan dengan sahnya sama seperti seolah-olah pelaksanaan atau penyampaian sedemikian telah dilakukan di Negara Brunei Darussalam.

(3) Jika sesuatu waran telah dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam menurut ceraian (1), maka orang yang telah ditangkap itu hendaklah dikemukakan dengan seberapa segera di hadapan seseorang Majistret di Negara Brunei Darussalam, siapa hendaklah, jika berpuashati bahawa ia adalah orangnya yang dinyatakan dalam waran itu, mengarahkan supaya orang yang telah ditangkap itu dipindahkan dengan serta-merta dalam jagaan kepada mahkamah yang bersesuaian di Singapura; dan sesiapa jua orang sedemikian adalah semasa dalam jagaan sedemikian, dianggap bagi segala maksud sebagai dalam jagaan yang sah :

Dengan syarat bahawa Majistret sedemikian boleh, jika kerana sebab-sebab yang akan dicatatkan olehnya ianya berpuashati bahawa adalah bagi kepentingan keadilan untuk berbuat demikian, dan jika kesnya adalah kes dalam mana jaminan boleh diberikan dengan sah, melepaskan orang yang telah ditangkap itu atas jaminan dengan berisyaratkan kehadirannya di hadapan Mahkamah yang bersesuaian di Singapura pada sesuatu ketika yang akan ditetapkan dalam pengakuan dan pengakuan jaminan itu.

(4) Jika sesiapa jua orang telah disampaikan sesuatu saman menurut ceraian (1), maka ia hendaklah hadir di mahkamah yang bersesuaian pada ketika yang ditetapkan dalam saman itu, melainkan ia boleh memuaskan mahkamah sedemikian bahawa ia tidak dapat berbuat demikian dengan munasabah.

Tahanan
pesalah-
pesalah yang
hadir di
mahkamah.

3. Sesiapa jua orang yang menghadiri sesebuah mahkamah jenayah, meskipun tidak di dalam tangkapan atau di atas sesuatu saman, boleh ditahan oleh mahkamah sedemikian bagi maksud penyelidikan bagi sebarang kesalahan terhadap mana mahkamah sedemikian boleh mengambil ketahui dan yang mana daripada keterangan nampaknya ia telah melakukan dan boleh diambil tindakan seolah-olah ia telah ditangkap atau disaman.

Tafsiran.

4. Bagi maksud-maksud Aturan-Aturan ini, "Majistret" berhubung dengan Singapura termasuklah seseorang Hakim Daerah.

Diperbuat pada 18 haribulan April, 1984 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN.